

AKHBAR : SELANGOR KINI

TARIKH / HARI : 26 MEI 2017 (JUMAAT)

Jangan jual permit kepada pihak ketiga

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) akan menarik serta-merta permit bazar Ramadan jika mendapati penjaja menjualnya kepada pihak ketiga.

Pengarah Pelesenan MBSA, Rosli Bakar berkata, penjaja yang didapati melakukan aktiviti haram itu juga akan disenarai hitam daripada mendapatkan permohonan permit baru, pada masa hadapan.

Katanya, MBSA tidak akan berkompromi dengan penjaja yang cuba mengaut untung atas angin apabila menjual kepada pihak lain dengan harga jauh lebih tinggi.

"Mereka yang berminat untuk berniaga di bazar juga dinasihatkan terus berurusan dengan MBSA dan tidak melalui individu tertentu.

"Kita tidak mahu orang ra-

mai ditipu kerana permit MBSA tidak pernah mencecah ribuan ringgit," katanya selepas Majlis Penutup Taklimat Bazar Ramadan dan Penyerahan Permit Bazar Ramadan MBSA 2017, di sini.

Rosli berkata, lima aktiviti penjualan permit bazar Ramadan haram dikesan dan diambil tindakan, pada tahun lalu.

"Tiga kes berlaku di Stadium Shah Alam membabitkan nilai bidaan tapak tertinggi mencecah RM7,000, manakala dua lagi kes berlaku di bazar Seksyen 25 dengan tawaran sekitar RM2,000," katanya.

Kadar bayaran permit bagi jenis jualan makanan dan minuman tapak MBSA adalah antara RM257 hingga RM347, berdasarkan kategori berbakar dan tidak berbakar.